

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 DISEMBER 2013 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Jabatan Meteorologi kesal orang ramai sebar khabar angin	Harian Metro
2.	Amaran ribut petir di perairan negara hingga lewat petang ini	Bernama.com
3.	Ribut petir di perairan negara dijangka berterusan hingga malam ini	Bernama.com
4.	Angin kencang, laut bergelora kategori ketiga dijangka berterusan sehingga Selasa	Bernama.com
5.	ECER, SIRIM bantu usahawan	Utusan Malaysia
6.	Sirim seeks foreign strategic partners	The Star
7.	Sirim cari rakan strategik komersial BioNG	Berita Harian
8.	SIRIM intai rakan strategik untuk komersialkan BioNG	Bernama.com
9.	ECER dan Sirim bantu lapan usahawan tingkatkan kualiti pembungkusan produk	Bernama.com
10.	Polis minta JHEAINS bantu kebumi mayat wanita	Harian Metro
11.	Lynas nafi tiga kematian berkaitan operasi kilang itu	Bernama.com

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 28
TARIKH: 28 DISEMBER 2013 (SABTU)

Jabatan Meteorologi kesal orang ramai sebar khabar angin

Kuala Lumpur: Masyarakat sepatutnya tidak cepat membuat telahan dan mempercayai sepenuhnya maklumat bencana alam yang diperoleh di laman sosial, tanpa merujuk agensi berkusa terlebih dahulu.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Che Gayah Ismail berkata, pihaknya kesal apabila terdapat pihak yang menyebarkan maklumat palsu berhubung fenomena tsunami, sedangkan tiada amaran mengenainya dikeluarkan sehingga hari ini.

Katanya, kejadian begitu menyebabkan lebih ramai orang yang keliru, sedangkan pihaknya dan agensi bertanggungjawab di bawah prosedur operasi standard (SOP) menyelamat masih dalam keadaan tenang memantau situasi semasa.

"Jika ada amaran tsunami, semua agensi bertanggungjawab seperti polis, bomba dan sebagainya akan terus bertindak sebab kita mempunyai SOP yang jelas dalam hal ini, bahkan penduduk di ka-

wasan berisiko sendiri sudah menjalani latihan amal sejak 2005.

"Jadi mereka tahu apa yang perlu dilakukan sejurus amaran keluar. Namun setakat ini keadaan masih tenang dan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional (SAATN) tidak menggesan sebarang tanda kejadian gempa bumi di dasar laut," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Che Gayah berkata, SAATN adalah sistem yang dibangun dengan kerjasama serantau dan antarabangsa. berupaya menggesan serta mengeluarkan amaran tsunami dalam tempoh 10 hingga 15 minit selepas gempa yang berkeupayaan mencetus ombak besar.

"Kena ingat kita memang tak boleh jangka bila gempa bumi

akan berlaku, tetapi kita boleh menganggar bilakah ketibaan ombak, masanya dan ketinggian selepas gempa itu berlaku.

"Ini saja ramalan yang kita boleh buat. Contohnya jika gempa



“Kena ingat kita memang tak boleh jangka bila gempa bumi akan berlaku, tetapi kita boleh menganggar bilakah ketibaan ombak, masanya dan ketinggian selepas gempa itu berlaku”

Che Gayah Ismail

yang bawa tsunami dikesan di Filipina, maka SAATN akan meramal bila ombak itu akan tiba di perairan negara, masa ketibaan, ketinggiannya dan kawasan mana akan terjejas.

"Dari situlah semua persediaan akan dilaksana, agensi akan bertindak di bawah SOP yang sudah ditetapkan. Tapi buat masa ini memang tiada apa-apa yang berlaku, melainkan amaran cuaca biasa, angin kencang dan laut yang bergelora," katanya.

Berikut itu, beliau menasihati orang ramai supaya merujuk laman web JMM atau menghubungi agensi berkenaan untuk maklumat sahih mengenai amaran bencana alam.

Jelasnya, JMM beroperasi setiap hari selama 24 jam dan mereka boleh dihubungi di 03-79678066/8126 dan

cuaca di talian 0379678116/8119.

Kelmarin tersebut khabar angin kononnya, berlaku tsunami termasuk di perairan negara dalam tempoh 36 jam akan datang, malah maklumat itu hangat diedar di



LAPORAN Harian Metro, kelmarin.

lanan sosial terutama selepas fenomena ribuan ikan tamban naik ke darat di Kampung Tambisan Darat Lahad Datu, jam 8 malam, Rabu.



**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 DISEMBER 2013 (SABTU)



Amaran Ribut Petir Di Perairan Negara Hingga Lewat Petang Ini

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Ribut petir yang berlaku di kawasan perairan Sarawak, Labuan dan pantai barat Sabah dijangka berterusan sehingga lewat petang Jumaat.

Jabatan Meteorologi dalam kenyataan Jumaat berkata ribut petir itu boleh menyebabkan angin kencang berkelajuan 50 hingga 60kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5m.

Ribut petir juga berlaku di kawasan perairan Selangor dan Sandakan, Sabah yang menyebabkan angin kencang sehingga 50kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5m, yang dijangka berterusan sehingga lewat petang Jumaat.

Selain itu, keadaan ini juga berlaku di kawasan perairan Reef North, Palawan dan Layang-Layang yang boleh menyebabkan angin kencang melebihi 60kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian melebihi 5.5m.

Sementara itu, angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak dijangka berterusan sehingga 31 Dis.

Angin kencang timur laut dengan kelajuan dari 60kmsj berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Samui, Tioman, Bunguran, Condore, Palawan, Reef North dan Layang-Layang serta ombak mencapai ketinggian melebihi 5.5m.

Kawasan pantai di negeri berkenaan turut terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut yang dijangka berterusan sehingga 31 Dis.

Keadaan ini berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk menangkap ikan, pekerja di pelantar minyak dan perkhidmatan feri.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 DISEMBER 2013 (SABTU)



Ribut Petir Di Perairan Negara Dijangka Berterusan Hingga Malam Ini

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Ribut petir di perairan Labuan, Sabah, Sarawak, pantai timur Semenanjung, Johor timur, Perak dan Selangor dijangka berterusan sehingga awal malam ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi**, ribut petir itu boleh menyebabkan angin kencang berkelajuan antara 50 hingga 60 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

Keadaan ini juga boleh berlaku di kawasan perairan Samui, Bunguran, Condore, Palawan, Reef North dan Layang-Layang.

Menurut kenyataan jabatan itu, angin kencang yang menyebabkan kenaikan paras air laut serta laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian melebihi 5.5 meter dijangka berterusan sehingga Selasa depan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 DISEMBER 2013 (SABTU)



Angin Kencang, Laut Bergelora Kategori Ketiga Dijangka Berterusan Sehingga Selasa

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora kategori ketiga (paling bahaya) di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur dijangka berterusan sehingga Selasa depan.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi**, angin kencang timur laut dengan kelajuan melebihi 60 kilometer sejam itu boleh menyebabkan ombak mencapai ketinggian melebihi 5.5 meter.

Selain itu, kawasan pantai di negeri berkenaan turut terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut.

Kedua-dua keadaan ini berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkапalan termasuk menangkap ikan, pekerja di pelantar minyak serta perkhidmatan feri.

Kenyataan itu menyebut aktiviti ribut petir juga berlaku di kawasan perairan Sarawak (Mukah, Bintulu dan Miri) yang dijangka berterusan sehingga lewat malam ini.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 28 DISEMBER 2013 (SABTU)**

ECER, SIRIM bantu usahawan

KEMAMAN 27 Dis. - Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) melalui program latihan kemahiran, Empower, kini mengadakan kerjasama dengan Institut Piaawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) untuk meningkatkan kualiti pembungkusan produk keluaran lapan pesertanya.

Pengarah Empower Pertubuhan Kemajuan Sosial Malaysia (PKSM), K. Suraindran berkata, program kerjasama yang julung kali diadakan itu melibatkan tujuh peserta dari Empower Kemaman dan seorang peserta dari Empower Dungun.

“Peserta yang terpilih ini terdiri daripada usahawan yang mempunyai produk makanan yang unik serta laris di pasaran tempatan.

“Kerjasama dengan SIRIM ini pasti akan meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran produk mereka untuk menembusi pasaran global, dan apabila berjaya kelak, ia akan diperluas kepada usahawan yang lain,” katanya di sini hari ini.

- BERNAMA

Sirim seeks foreign strategic partners

KUALA LUMPUR: Sirim Bhd, following its success in producing the world's first bio natural gas (BioNg), is seeking foreign strategic partners to help it commercialise the output.

Its president/chief executive Dr Zainal Abidin Mohd Yusof said the among the strategic cooperation Sirim sought included financial support, gas suppliers and partner users.

"The pilot project to produce biogas, which is located in Carey Island, is fully completed and is now producing the BioNg on a commercial scale. If there are interested companies, they can come and meet us for discussions," he said in an interview in conjunction with the launch of two pilot projects in Kudat, Sabah, recently. — Bernama

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 28 DISEMBER 2013 (SABTU)

Sirim cari rakan strategik komersial BioNG

Selepas berjaya mengeluarkan biogas metana mirip gas asli (BioNG) yang pertama di dunia, Sirim Bhd kini bersedia untuk mengkomersialkan produknya itu dan mempelawa pihak luar untuk menjadi rakan strategiknya.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Dr Zainal Abidin Mohd Yusof, berkata antara kerjasama strategik yang diperlukan adalah dari aspek kewangan, pembekal gas dan rakan pengguna.

“Projek pengeluaran skala perintis biogas kami yang terletak di Pulau Carey siap sepenuhnya, dan sekarang mampu mengeluarkan BioNg pada skala komersial.

“Jika ada mana-mana korporat berminat, mereka boleh berjumpa kami dan kita boleh berbincang,” katanya kepada BERNAMA pada temu bual sempena majlis perasmian dua projek perintis Sirim di Kudat, baru-baru ini.

Zainal berkata, BioNG yang dihasilkan daripada sisa sawit, adalah teknologi tenaga boleh diperbaharui mampu dijadikan alternatif kepada bahan bakar yang selama ini hanya bertumpu kepada kegunaan untuk penjanaan tenaga elektrik.

“Keberhasilan teknologi itu sebagai bahan bakar terbukti selepas beberapa ujian ke atas kenderaan yang berjaya dilakukan,” katanya.

BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 DISEMBER 2013 (SABTU)



SIRIM Intai Rakan Strategik Untuk Komersilkan BioNG

Oleh Zairina Zainudin

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Setelah berjaya mengeluarkan biogas metana mirip gas asli (BioNG) yang pertama di dunia, **SIRIM Bhd** kini bersedia untuk mengkomersilkan produknya itu dan mempelawa pihak luar untuk menjadi rakan strategiknya.

Presiden dan Ketua Eksekutif Dr Zainal Abidin Mohd Yusof berkata antara kerjasama strategik yang diperlukan adalah dari aspek kewangan, pembekal gas dan rakan pengguna.

"Projek pengeluaran skala perintis biogas kami yang terletak di Pulau Carey telah siap sepenuhnya dan sekarang mampu mengeluarkan BioNg pada skala komersil.

"Sekiranya ada mana-mana korporat berminat, mereka boleh datang berjumpa kami dan kita boleh berbincang," katanya kepada Bernama dalam temu bual bersempena majlis perasmian dua projek perintis Sirim di Kudat baru-baru ini.

Zainal berkata BioNG, yang dihasilkan daripada efluen kelapa sawit, merupakan teknologi tenaga boleh baharu yang mampu dijadikan alternatif kepada bahan bakar yang selama ini hanya tertumpu kepada kegunaan untuk penjanaan tenaga elektrik.

Keberhasilan teknologi itu sebagai bahan bakar terbukti selepas beberapa ujian ke atas kenderaan yang berjaya dilakukan, katanya.

Projek perintis itu berupaya menghasilkan 25 meter kubik biogas sejam dan sekiranya beroperasi secara berterusan 24 jam sehari, mampu membekalkan sehingga 40 tangki penuh kenderaan atau kereta setiap hari.

Zainal berkata SIRIM telah mengadakan perbincangan dengan sebuah syarikat tempatan berasaskan perladangan untuk mendirikan sistem teknologi itu di Keratong, Pahang, dan di Lahad Datu ataupun di kawasan berpotensi sekitar pantai timur Sabah.

"Kami belum menandatangai apa-apa perjanjian kerana perbincangan masih di peringkat awal," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 DISEMBER 2013 (SABTU)



ECER Dan SIRIM Bantu Lapan Usahawan Tingkatkan Kualiti Pembungkusan Produk

Oleh Kamaliza Kamaruddin

KEMAMAN, 27 Dis (Bernama) -- Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) melalui program latihan kemahiran, Empower, kini mengadakan kerjasama dengan **Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)** untuk meningkatkan kualiti pembungkusan produk keluaran lapan pesertanya.

Pengarah Empower Pertubuhan Kemajuan Sosial Malaysia (PKSM) K. Suraindran berkata program kerjasama yang julung kali diadakan itu melibatkan tujuh peserta dari Empower Kemaman dan seorang peserta dari Empower Dungun.

"Peserta yang terpilih ini terdiri daripada usahawan yang mempunyai produk makanan yang unik serta laris di pasaran tempatan.

"Kerjasama dengan SIRIM ini pasti akan meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran produk mereka untuk menembusi pasaran global, dan apabila berjaya kelak, ia akan diperluas kepada usahawan yang lain," katanya kepada Bernama di sini.

Antara produk yang akan ditingkatkan kualiti pembungkusan agar menepati piawaian antarabangsa ialah produk pai cendawan, kek moist durian belanda, twister capati, bubur tomyam, roti canai herba, sup brokoli, pais ikan dan kek mini jagung bersama kismis.

Suraindran berkata Empower akan membimbing kesemua usahawan itu agar dapat membesarakan perniagaan mereka dan berjaya mencipta peluang pekerjaan yang lain di sekitar Kemaman dan Dungun.

"Kira-kira 80 peratus daripada 500 peserta sesi pertama Empower Kemaman pada tahun lepas berjaya membuka perniagaan atau bekerja mengikut kemahiran sendiri.

"Ia adalah sebahagian daripada matlamat ECER untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan golongan berpendapatan rendah dan ibu tunggal di dua kawasan tersebut," katanya.

Tahun ini, kira-kira 600 peserta mengikuti sembilan kursus yang ditawarkan Empower termasuk kursus dandan rambut dan kecantikan artistik, pengurusan spa, membaik pulih perkakasan elektrik, video dan fotografi, makanan sejuk beku, kursus jahitan dan rekaan, sulaman manik kreatif dan pembuatan kuih-muih ala Malaysia.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 22
TARIKH: 28 DISEMBER 2013 (SABTU)

**Polis minta JHEAINS
bantu kebumi
mayat wanita**

Polis akan mendapatkan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) untuk menguruskan jenazah wanita tanpa kepala dan lengan yang ditemui di dalam longkang di Taman Desaria, dekat Nilai 3, Selasa lalu.

Ketua Polis Daerah Nilai Superintendant Mohd Yusoff Awang berkata, ia berikutan tiada waris atau kawan mangsa tampil menuntut jenazah mangsa tanpa pengenalan diri itu sehingga hari ini.

“Keadaan mayat yang sudah reput ketika ditemui ditambah tanpa sebarang dokumen pengenalan menyukarkan usaha mengenal pasti identiti mangsa.

“Buat masa ini, kami menghantar beberapa sampel seperti tulang dan gigi kepada **Jabatan Kimia** untuk pemeriksaan lanjut dan berharap akan menerima jawapan dalam tempoh terdekat,” katanya.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan, orang ramai yang melalui sebuah longkang di Taman Desaria, Nilai 3, di sini terkejut sejurus menjumpai mayat berulat tanpa kepala dan kedua-dua lengan.

Laporan berkata, mangsa diperdayai mati sejak seminggu lalu dan dibuang di lokasi lain sebelum mayatnya ditemui di longkang itu.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 DISEMBER 2013 (SABTU)



Lynas Nafi Tiga Kematian Berkaitan Operasi Kilang Itu

KUANTAN, 28 Dis (Bernama) -- Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) menafikan tiga kematian yang berlaku di kilang berkenaan dalam tempoh enam bulan lepas mempunyai kaitan dengan operasi yang dijalankan oleh kilang nadir bumi itu.

Pengarah Urusannya Datuk Mashal Ahmad berkata sebaliknya dua daripada insiden kematian itu berpunca daripada faktor kesihatan manakala satu lagi akibat kemalangan jalan raya.

Katanya insiden pertama pada Julai lepas melibatkan seorang bakal pekerja yang meninggal dunia akibat serangan jantung ketika proses temuduga.

Pada November, seorang kakitangan kilang itu maut selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya ketika dalam perjalanan ke tempat kerja.

"Seorang jurutera kita yang meninggal dunia awal bulan ini pula disahkan mengalami serangan jantung secara tiba-tiba sebelum terjatuh ke dalam kolam takungan. Ketika kejadian, mangsa sedang melakukan rutin harian mengambil sampel air untuk ujian sebelum tidak sedarkan diri akibat serangan jantung," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyampaian pakaian seragam sekolah di perkarangan kilang Lynas, di sini hari ini.

Pada majlis itu, 200 pelajar sekitar kawasan Balok menerima pakaian seragam, beg dan peralatan sekolah sumbangan Lynas di bawah program tanggungjawab sosial korporat syarikat berkenaan.

Mashal dalam pada itu berkata Lynas tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas, termasuk tindakan mahkamah, terhadap mana-mana pihak yang terus menabur fitnah ke atas kilang berkenaan.

"Sikap mereka ini menyukarkan kami dan tindakan kumpulan ini menyebarkan pelbagai fitnah secara berterusan jelas membuktikan mereka berniat jahat.

"Berilah peluang kepada Lynas menumpukan perhatian kepada operasi daripada melayan tohmahan tidak berasas ini," katanya.

Mashal juga berkata dakwaan pihak tertentu berhubung kejadian banjir di loji kilang berkenaan awal bulan lalu tidak benar dan tidak masuk akal.

Katanya tapak kilang itu dibina selepas mengambil kira pelbagai faktor, termasuk ancaman banjir dan bencana alam lain.

"Kilang ini dibina selepas kita melakukan kajian berdasarkan paras air (banjir) paling buruk sejak 100 tahun lalu. Selepas mendapat data itu, barulah kita bina tapak kilang dan loji memproses nadir bumi.

"Selain itu, kilang ini juga terletak kira-kira 9 meter dari punca mata air, sekali gus kami boleh memberi jaminan bahawa ancaman banjir tidak akan memberi kesan kepada operasi kilang ini," katanya.